

**Parlimen: Kerajaan Kaji Cadangan Tubuh Jawatankuasa Selaras Hukuman Rogol  
Bawah Umur  
Bernama  
25 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kerajaan bersedia mengkaji cadangan menubuhkan jawatankuasa untuk menyelaraskan hukuman rogol melibatkan gadis bawah umur untuk memastikan golongan itu dilindungi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Bagaimanapun, katanya keputusan berhubung perkara itu perlu mendapat persetujuan daripada pihak mahkamah.

Beliau berkata perkara itu telah dibincangkan dalam satu pertemuan dengan Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria.

"Pada peringkat awal, Ketua Hakim telah berikan pandangan iaitu kemungkinan jawatankuasa yang disebut itu (jawatankuasa menyelaraskan hukuman) boleh ditubuhkan kalau sekiranya pihak eksekutif, kerajaan bersetuju tetapi ia cuma boleh menyelaraskan hukuman," katanya ketika menjawab soalan tambahan Nurul Izzah Anwar (PKR-Lembah Pantai).

Nurul Izzah ingin tahu sama ada kerajaan bersedia mewujudkan jawatankuasa seperti yang terdapat di United Kingdom yang menyelaraskan secara konsisten semua hukuman rogol gadis bawah umur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697064>